



Peserta mengikuti Bengkel Fertigasi Duta Jauhar 3.0 anjuran UPM.

UPM anjur Bengkel Fertigasi Duta Jauhar 3.0

Mersing: Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Bengkel Fertigasi Duta Jauhar 3.0 membabitkan 30 penduduk Kampung Sawah Dato' di sini, bagi memperkenalkan projek Mersing Agriculture Transformation Scheme (MATS).

Pengarah MATS, Ahmad Sofwan Abdul Razak, berkata projek menggunakan kaedah fertigasi untuk penanaman benih Cili Centil itu menyasarkan penyertaan, terutama penduduk kampung berpendapatan rendah dan disenaraikan dalam e-Kasih.

"Antara objektif utama kumpulan Duta Jauhar

3.0 UPM memperkenalkan projek MATS ialah membantu sumber pendapatan ekonomi masyarakat di Mersing dan menyahut cetusan idea Menteri Besar Johor bagi menggembelng tenaga serta idea mahasiswa sebagai agen transformasi masyarakat," katanya.

Jana pendapatan

Melalui bengkel itu, beliau berkata, penduduk kampung dapat mengetahui perusahaan tanaman fertigasi Cili Centil dan faedah menjalankan aktiviti pertanian berkenaan yang diharap membantu menjana penda-

patan penduduk setempat.

"Pada masa sama, mahasiswa UPM turut menyertai masyarakat kampung menjayakan bengkel ini. Persiapan selama sebulan dilakukan dengan kerjasama Penghulu Mukim Tenglu, Adam Ahmad atau lebih dikenali sebagai Tok Adam, dan Ketua Kampung Sawah Dato', Hanafiah Junid, bagi menjayakan program ini," katanya.

Bengkel dua hari itu dikendalikan oleh pensyarah Fakulti Pertanian UPM, Prof Dr Aisyah Hassan, dan Pegawai Jaringan Industri Masyarakat, Fakulti Pertanian, Muhd Ghazali Satar.